

D571

U B626 DEB

MAHATHIR - FORMULA

KUALA LUMPUR, 30 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI KESAL TERHADAP CADANGAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) HENDAK MENGEMUKAKAN SYOR BALAS KEPADA FORMULA UMNO BAGI MENYELESAIKAN KRISIS POLITIK DI SABAH.

+ KAMI TELAH MENCAPAI PERSETUJUAN APABILA SAYA MELAWAT SABAH BARU-BARU INI DAN SAYA BERPENDAPAT DENGAN PERSETUJUAN ITU SEMUA MASALAH AKAN DAPAT DISELESAIKAN.

+ TETAPI MALANGNYA SEMASA KAMI SEDANG MEMBUAT PERSIAPAN UNTUK MENANDATANGANI PERJANJIAN, ADA PENDAPAT LAIN PULA YANG DIKEMUKAKAN OLEH PBS, + TEGAS BELIAU DALAM SIDANG AKHBAR SELEPAS BERMESYUARAT DENGAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA UMNO BAHAGIAN DI SELANGOR DAN JAWATANKUASA BARISAN NASIONAL NEGERI DI BANGUNAN RISDA DI SINI.

KEDUA-DUA MESYUARAT ITU DIADAKAN BERASINGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH KATA BELIAU SENDIRI TIDAK TAHU APAKAH PENDAPAT PBS MENGENAI FORMULA TERSEBUT. -- LAGI

2040MST 30 03 86

D573

U B627 DEB

MAHATHIR - FORMULA 2 KUALA LUMPUR

+ SAYA MASIH BELUM MENDAPAT SEBARANG LAPORAN DARIPADA SETIAUSAHA PBS, ENCIK JOSEPH KURUP MENGENAI PENDIRIAN PARTI ITU TERHADAP FORMULA ASAL, + KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

MENGENAI SOAL PERLANTIKAN TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG BARU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MASIH BELUM MEMIKIRKANNYA.

MENGENAI KEPUTUSAN KABINET MENERIMA PERLETAKAN JAWATAN DATUK MUSA HITAM SEJAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI DALAM NEGERI, BELIAU BERKATA SURAT PENERIMAAN PERLETAKAN JAWATAN DATUK MUSA TELAH PUN DIHANTAR KE LONDON PADA 18 MAC.

KETIKA DITANYA MENGENAI KEDUA-DUA PERBINCANGAN YANG TELAH DIADAKAN HARI INI, PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA BELIAU TELAH MENEGASKAN BEBERAPA PERKARA YANG PERLU DITERANGKAN KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO. -- LAGI

2043MST 30 03 86

D575

U B628 DEB

MAHATHIR - FORMULA 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PERPADUAN DI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DI SELANGOR TERUTAMA DALAM PERSIAPAN MENGHADAPI PILIHAN RAYA.

PERJUMPAAN ITU JUGA MEMBINCANGKAN MENGENAI PEMBAHAGIAN KERUSI DI KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN BN. -- BERNAMA.

2045MST 30 03 86